



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 25 JANUARI 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	PESAWAH HANYA TERIMA 20% SUBSIDI, DALAM NEGERI, UM -10 KEDAH 'KORBANKAN TAMAN INDUSTRI' FOKUS PENGELUARAN PADI, ISU, BH -17	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
3.	KEGAALAN PETANI URUS SAWAH JEJAS HASIL: MARDI, ISU, BH -17	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
4. 5. 6.	KENAL PASTI WABAK BPB, SABAK BERNAM, SH -23 KAWAL SEGERA PENYAKIT BPB PADI -ADUN SABAK, UTUSAN KOTA, UM -44 PESAWAH PARIT 6 RUGI AKIBAT SERANGAN PENYAKIT BPB, UTUSAN KOTA, UM -44	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	DITUDUH SEBABKAN KEMATIAN ANJING, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10

## Pesawah hanya terima 20% subsidi

**KUALA LUMPUR 24 Jan.** - Isu sebenar yang membelenggu majoriti petani adalah sistem subsidi dalam industri tanaman tersebut yang lebih menguntungkan syarikat vendor berbanding golongan pesawah.

Koordinator Badan Bertindak Selamatkan Industri Padi dan Beras Negara (Padi Rescue), Nurfitri Amir Muhammad berkata, masalah tersebut menyebabkan golongan terbabit masih berada dalam kumpulan berpendapatan rendah (B40).

Dakwa beliau, hanya 20 peratus sahaja daripada keseluruhan subsidi itu, benar-benar diterima oleh pesawah manakala 80

peratus lagi dinikmati oleh vendor yang mendapat keuntungan daripada sistem berkenaan.

"Ini bukan persepsi tetapi telah dibuktikan oleh kajian yang dijalankan oleh Profesor Fatimah Kari daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) beberapa bulan lalu," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Selasa lalu, media melaporkan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub mengakui golongan petani, pesawah, nelayan dan penternak di negara ini masih gagal mengeluarkan diri mereka dari kumpulan B40 walaupun

subsidi dan bantuan diberikan.

Dalam pada itu, Nurfitri Amir berkata, beberapa masalah utama pesawah perlu diselesaikan seperti kualiti benih dan input pertanian yang dibekalkan vendor didakwa kurang berkualiti, kos meningkat setiap kali subsidi bertambah tanpa kawalan, eksploitasi harga dan potongan pemutuan padi terlalu tinggi akibat monopoli pihak tertentu.

Oleh itu, kata Nurfitri Amir, Padi Rescue berpandangan Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) harus ditubuhkan semula untuk mengatasi masalah ketiadaan koordinasi berkesan dalam industri.

## JELAPANG NEGARA TERANCAM

# Kedah 'korbankan taman industri' fokus pengeluaran padi

→ Mukhriz gesa Kerajaan Persekutuan bantu petani raih pulangan lebih lumayan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Muhammad Mustakim Ramli  
bhnews@bh.com.my

► Sungai Petani

**K**erajaan Persekutuan diminta bersikap adil dan menghargai pengorbanan Kedah, yang sejak sekian lama menjadi penjamin kepada keselamatan makanan negara.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata jaminan itu membolehkan tanah negeri se-



Mukhriz Mahathir

luas 270,000 hektar yang dikhasakan bagi pengeluaran padi, kawasan pertanian, tasik empangan dan tadahan air.

## Taman industri beri pulangan lumayan

Katanya, kawasan itu jika dibangunkan menjadi taman industri mampu memberi pulangan lebih tinggi kepada rakyat dan negeri, namun tidak dibuat berikutan komitmen Kedah sebagai pengeluar utama beras negara.

"Isu ini sudah kerap saya bangkitkan di Dewan Rakyat bagi pengetahuan Kerajaan Persekutuan serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, supaya memberi lebih perhatian dalam usaha membantu petani di Kedah.

"Industri padi bergantung banyak kepada subsidi, sedangkan hasilnya tidak seperti diharapkan. "Sasaran pengeluaran kita adalah 10 tan padi sehektar, tetapi pesawah hanya mampu keluaran antara empat hingga enam tan menyebabkan petani kekal miskin.

"Saya berharap Kerajaan Persekutuan dapat menyelesaikan masalah secara baik, kerana jika kita dapat bebaskan tanah ini menjadi taman industri pulangannya lebih tinggi," katanya selepas menghadiri Persidangan Industri 4.0 Transformasi Digital di sini, semalam.

BH sebelum ini melaporkan negara hanya mampu mengeluarkan kira-kira dua juta tan metrik beras setahun, sedangkan keperluan



Keratan akhbar BH pada 20 Januari lalu.

rakyat dianggarkan pada tiga juta tan metrik menyebabkan Malaysia terpaksa bergantung kepada beras import.

## Masalah jejas pengeluaran beras

Keadaan bertambah kritikal apabila Kedah yang menyumbang kira-kira 40 peratus pengeluaran beras negara, berdepan pelbagai masalah yang melanda industri padi yang dibimbangi akan menjejaskan pengeluaran beras masa hadapan.

Mukhriz berkata, kerajaan negeri sudah meminta pampasan daripada Kerajaan Persekutuan atas pengorbanan yang dibuat Kedah, namun mungkin kerana kekangan kewangan, bayaran itu tidak dapat

dibuat sehingga kini.

"Kita ada menerima cadangan beberapa pihak yang sedia membantu meningkatkan pengeluaran padi, termasuk penggunaan teknologi moden seperti diguna di China dan Jepun, yang terbukti mampu meningkatkan hasil.

"Kepakaran itu boleh kita gunakan bagi menghasilkan padi lebih tinggi, beras berkualiti dan kos pengeluaran terkawal, sehingga pesawah mampu mendapat pulangan lumayan.

"Menjadi harapan dalam tempoh lima tahun bersama bantuan Kerajaan Persekutuan, pengeluaran padi Kedah dapat ditingkatkan sehingga kita boleh menjadi pengeksport beras pula kepada negara lain," katanya.

## Kegagalan petani urus sawah jejas hasil: MARDI

**Kuala Lumpur:** Kegagalan petani menguruskan sawah dengan baik adalah punca utama wujudnya jurang ketara hasil padi antara kawasan dan negeri, yang sekali gus menjejaskan pengeluaran beras negara.

Contohnya, Sekinchan, Selangor berjaya menghasilkan padi antara 10 hingga 13 tan metrik setiap hektar, sedangkan purata hasil padi di Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Terengganu, masing-masing sekitar empat tan metrik sehektar.

Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Dr Asfaliza Ramli, berkata pengurusan padi oleh petani di Sekinchan dan kawasan lain sangat berbeza, sekali gus menyumbang kepada jurang hasil yang ketara.

Katanya, ada petani yang tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan MARDI mengenai waktu penyemburan racun, jumlah baja serta jenis padi yang boleh me-

ngeluarkan hasil tinggi, selain tidak mesra teknologi terkini.

Beliau berkata, ia berbeza dengan petani di Sekinchan yang peka dengan pengurusan padi, selain menggunakan teknologi bagi meningkatkan hasil.

## Salah guna racun

"Ada petani yang menyembur racun secara sekali gus, sedangkan petani di Sekinchan membuat semburan mengikut gejala pada pokok padi.

"Jika pokok padi tiada gejala yang memerlukannya disemur racun, ia akan membunuh perosak semula jadi yang diperlukan tanaman itu, menyebabkan ia diserang penyakit.

"Petani perlu kerap turun ke sawah dan kenal tanaman masing-masing. Contohnya, kehijauan daun juga perlu diteliti kerana warna yang terlalu hijau akan menarik serangga.

"MARDI sediakan garis panduan mengenai masa sesuai untuk

membaja serta menghalang serangga dan perosak lain, tetapi tindakan sebenar mesti datang daripada petani sendiri," katanya ketika dihubungi, semalam.

Asfaliza berkata, petani Sekinchan juga bersikap terbuka kepada teknologi dalam penanaman padi dan teknologi baharu yang diperoleh pula akan diubah suai supaya sesuai dengan tanaman dan tanah sawah mereka.

"Contohnya, dulu kita hasilkan varieti baharu padi, iaitu MR 219 yang dibangunkan untuk padi berhasi tinggi dan peningkatan hasil yang pertama kita lihat adalah di Sekinchan, dengan purata antara sembilan hingga 10 tan metrik setiap hektar.

"Ada petani kawasan lain yang gunakan teknologi yang digunakan di Sekinchan, tetapi tidak membuat pengubahsuaian supaya ia sesuai dengan tanah di kawasan sendiri," katanya.

Asfaliza berkata, faktor kesuburan tanah turut memainkan pe-



Ada petani tidak mematuhi garis panduan dikeluarkan MARDI mengenai waktu penyemburan racun, jumlah baja serta jenis padi"

Asfaliza Ramli, Pengarah Pusat Penyelidikan Padi dan Beras MARDI

ranan dalam pengeluaran hasil padi, dengan tanah sawah di Sekinchan memiliki ciri kesuburan tertinggi berbanding jelapang padi lain di Malaysia.

Katanya, kesuburan tanah itu dinilai melalui beberapa parameter seperti kandungan tanah liat dalam tanah, serta kadar pengambilan nutrien daripada tanah.

Beliau berkata, MARDI membangunkan varieti padi berhasi tinggi yang berbeza mengikut tahap kesuburan tanah, antaranya MR 303, MR 297 dan MR 307.

Contohnya, MR 303 lebih kepada tanah yang sederhana subur; MR 307 boleh digunakan untuk semua jenis tanah dan MR 253 pula khas untuk tanah bermasalah seperti sawah di kawasan sempadan.

"Di kawasan Utara, ada sawah berhampiran pantai yang terjejas dengan tsunami apabila air laut masuk ke sawah, menyebabkan tahap kesuburan lebih tinggi. Jadi kita cadang penggunaan MR 253 atau padi wangi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2019	SINAR HARIAN	SABAK BERNAM	23

# Kenal pasti wabak BPB

**SABAK BERNAM** - Jabatan Pertanian diminta mengenal pasti kaedah berkesan menangani wabak Hawar Bulir Bakteria (BPB) yang menyerang beberapa kawasan di Sabak Bernam.

Adun Sabak, Ahmad Mustain Othman berkata, beliau telah berhubung dengan jabatan kerajaan itu untuk tindakan lanjut.

Malah, katanya, masalah dihadapi pesawah itu turut dibawa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah.

"Kita dah melaporkan keluhan pesawah yang mengalami kerugian ini kepada jabatan berkaitan untuk tindakan susulan," katanya.

Malah, Ahmad Mustain berkata, serangan penyakit BPB di Kawasan Sabak Bernam juga dimaklumkan kepada Exco berkaitan.

"Saya akan membawa perkara ini dalam Sidang Dun pada Mac ini.

"Walaupun penyakit BPB ini baru dikesan, ia mesti dikawal supaya tidak merebak ke kawasan penanaman padi lain di Selangor mahu pun di negara ini," katanya.

Ditanya tentang harapan

**Pesawah dakwa rugi besar**

Hasil pengeluaran beras petani di kawasan ini mengalami kerugian besar akibat serangan penyakit BPB. Pesawah di kawasan ini mengalami kerugian yang besar akibat serangan penyakit BPB. Pesawah di kawasan ini mengalami kerugian yang besar akibat serangan penyakit BPB.

**Keratan Sinar Harian semalam.**

**Keratan Sinar Harian semalam.**

pesawah agar kerajaan memberi bantuan kepada mereka yang terjejas, Ahmad Mustain berkata, perkara itu akan dibawa kepada exco dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk dipertimbangkan.

Menurut beliau, wabak BPB yang menyerang tanaman padi di pengairan Parit 6 Sungai Besar, menyebabkan pesawah mengalami kemerosotan hasil tuaian padi.

"Malah, pesawah berdepan kerugian kerana hasil

pendapatan diperoleh mereka rendah berbanding modal menanam padi.

"Daripada tinjauan saya, didapati beberapa kawasan sekitar berhampiran Pengairan Parit 6 juga terkesan dengan penyakit bawaan bakteria ini," katanya.

Semalam, Sinar Harian melaporkan, rata-rata pesawah di sekitar kawasan pengairan Parit 6 di sini, berdepan kerugian besar apabila tanaman padi mereka diserang penyakit BPB.

JUMAAT • 25.01.2019

**UTUSAN  
KOTA**

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.  
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my



PADI yang diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria rosak dan berwarna keperangan.

BAWAH: Johari Unit (tengah) bersama beberapa pesawah di Parit 6, Sabak Bernam, Selangor menunjukkan kawasan tanaman padi yang diserang penyakit BPB pada musim tuai kali ini.

## Kawal segera penyakit BPB padi – ADUN Sabak

**SABAK BERNAM 24 Jan.** – Pihak berwajib perlu segera mengambil langkah drastik bagi mengawal penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) yang menyerang tanaman padi di sekitar kawasan Parit 6, di sini, bagi mengelakkan masalah daripada menjadi lebih serius.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sabak, Ahmad Mustain Othman berkata, penyakit BPB itu bukan sahaja menyebabkan petani kerugian besar tetapi boleh merebak dengan cepat sehingga merosakkan tanaman di kawasan berdekatan jika lambat ditangani.

Beliau yang sudah turun padang menemui petani terjejas memberitahu, daripada maklumat yang diperolehinya, selain di Parit 6, beberapa kawasan berhampiran turut terjejas.

“Saya telah berhubung dengan Jabatan Pertanian bagi meminta mereka mengenal pasti kaedah paling berkesan untuk mengatasi penyakit padi ini

“Walaupun penyakit BPB ini baru dikesan pada musim penanaman di kawasan ini, ia mesti dikawal supaya tidak merebak ke kawasan penanaman padi lain di Selangor mahupun di negara ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Ahmad Mustain memberitahu, isu serangan penyakit BPB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah dan sudah dimaklumkan kepada exco pertanian negeri.

Mengenai harapan pesawah agar kerajaan negeri memberikan bantuan kepada petani terjejas, beliau berkata, permintaan itu akan segera dibawa kepada exco dan Kementerian Pertanian untuk dipertimbangkan.



## Pesawah Parit 6 rugi akibat serangan penyakit BPB

Oleh **MOHD. HUSSAIRY SIDEK**  
kota@utusangroup.com.my

■ SABAK BERNAM 24 JAN.

**S**UDAHLAH padi merupakan punca tunggal kepada pendapatan keluarga, tetapi kini tanaman yang diusahakan itu pula diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) menyebabkan hasil tanaman rosak teruk.

Usahkan bermimpi untuk mendapat hasil daripada tanaman padi, kini setiap pesawah di kawasan Parit 6, di sini, terpaksa menanggung rugi sekurang-kurangnya RM2,000 seorang akibat padi yang ditanam semuanya tidak menjadi.

Seorang pesawah, **Johari Unit**, 60, memberitahu akibat serangan BPB, tanaman padi

“Akibatnya daripada 6.3 hektar padi yang diusahakan, saya hanya mendapat hasil kurang enam tan metrik sahaja berbanding purata lapan tan metrik pada sebelum ini.”

**JOHARI UNIT**

seluas 6.3 hektar yang ushakkannya kali ini mengalami kemerosotan hasil mendadak menyebabkan dia kerugian lebih RM2,000.

Katanya, meskipun jumlah RM2,000 itu mungkin tidak

besar tetapi bagi golongan pesawah sepertinya yang bergantung penuh kepada hasil padi, kerugian sebegini merupakan tapanan hebat untuk mereka.

“Serangan penyakit itu merupakan pertama kali melanda tanaman padi kawasan ini. Ia menyebabkan daun dan tangkai pokok padi rosak seperti terdapat kesan warna bintik perang dan buah padi menjadi terencat.

“Akibatnya daripada 6.3 hektar padi yang diusahakan, saya hanya mendapat hasil kurang enam tan metrik sahaja berbanding purata lapan tan metrik pada sebelum ini,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Johari berkata, dia mungkin sedikit bernasib baik kerana ada petani yang cuma menda-

pat hasil kurang satu tan metrik, menyebabkan mereka terpaksa menanggung kerugian lebih besar.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, **Napiah Idris**, 59, berharap petani yang mengalami kerugian akibat serangan BPB mendapat pembelaan sewajarnya daripada pihak kerajaan.

Jelasnya, pembelaan itu perlu kerana kos tanaman sahaja sudah RM3,000 dan jika hasil padi merosot, para petani terpaksa ikat perut.

“Semasa pentadbiran kerajaan terdahulu, nasib pesawah sentiasa dibela, kita mohon agar perkara tersebut diteruskan oleh kerajaan sekarang kerana kami ini golongan miskin yang hanya bergantung hidup kepada hasil padi sahaja,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
25/1/2019	KOSMO	NEGARA	14

Pelajar kolej warga Nigeria mengaku tidak bersalah cuai

# Dituduh sebabkan kematian anjing

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

**KUALA LUMPUR** – Hasrat seorang pelajar kolej warga Nigeria untuk pulang ke negaranya tidak kesampaian selepas dia didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan cuai sehingga menyebabkan anjing dipercayai baka Shih Tzu peliharaannya mati akibat terjatuh dari tingkat 16 pada tahun lalu.

Tertuduh, Judith Ejigini, 28, selaku Orang Kena Saman (OKS) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim Noradura Hamzah.

Wanita warga asing itu dijadualkan pulang ke negaranya malam ini tidak dapat berbuat demikian selepas pasportnya diserahkan kepada

mahkamah.

Judith didakwa sebagai pemilik haiwan gagal mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memenuhi keperluan anjing kepunyaannya kepada persekitaran yang sesuai.

Kesalahan itu dilakukan di tingkat 16, Blok 1, Zeta Deskye @ Alam Saujana Condominium, Jalan 1/12D Off Batu 4 1/2, Jalan Ipoh di sini pada pukul 6.42 petang, 22 Februari 2018.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 24(1)(a) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta772) dan boleh dihukum di bawah seksyen 24(3) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM75,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau keduanya.

Terdahulu, Pegawai Pendak-

wa dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Hasiyah Musa tidak menawarkan jaminan berikutan kegagalan tertuduh hadir ke mahkamah sebanyak tiga kali sebelum ini.

Hasiyah bagaimanapun mencadangkan jaminan RM20,000 dengan dua penjamin dan pasport diserahkan ke mahkamah selain perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran sekiranya mahkamah mahu menggunakan budi bicara.

Difahamkan OKS mahu pulang ke negara asalnya berikutan wanita itu telah menamatkan pengajiannya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh yang diwakili peguam Muhammad Afif Che Had diikat jamin RM20,000 dengan dua penja-



ANJING baka ShihTzu. – Gambar hiasan

min warga tempatan berserta syarat perlu melaporkan diri di balai polis setiap dua minggu dan pasport diserahkan kepada mahkamah. Sebutan semula kes ditetapkan 13 Februari depan.



JUDITH (kiri) mengaku tidak bersalah mengabaikan anjing peliharaannya hingga haiwan itu mati di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur semalam